

madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)

January - June 2023

Trienekens wins Two Prestigious Awards



Advancing into Sustainable Waste Management



Group CEO's Message

Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

Salam sejahtera,

Halfway through 2023, I am proud to share that we have achieved some remarkable accomplishments! In May and June, respectively, we were awarded with two top and prestigious safety and sustainability awards, namely the Shell Malaysia Safety Award (SMSA) 2022 and the Prime Minister's Hibiscus Award (PMHA) 2022 respectively.

Winning these two awards is a great achievement for us because it is a testament to our hard work and commitment to achieving the highest level of health, safety and environmental standards for our employees, business and operations.

Our people are the heart of the company, and they have been deeply committed to enhancing safety at the workplace not only for themselves and the company but for our customers and the communities in which we operate as well. Without them, none of these would be possible. Congratulations to all the teams!

Embracing sustainability at the centre of our business and operational setup is paramount as we commit to a future that is shifting towards a circular economy. In all that we do, we strive to operate as sustainably as possible by using innovative recycling and recovery solutions all across our business operations.

At Trienekens, we see waste as a resource that can be recovered and repurposed into new materials. With that in mind, we have recently sealed a Memorandum of Understanding (MoU) with Shell Singapore to explore the potential of chemical recycling of plastic waste. The output can be a possible source of alternative energy and used as secondary raw materials that can add value to our current economy in transitioning towards circular economy.

The past few months have definitely been an exciting period for us. I encourage you to read more about these new developments and stories in this latest issue of Madah Kita. Congratulations again to all our teams, and happy reading!

Salam sejahtera,

Pada pertengahan 2023 ini, saya bangga untuk berkongsi berita bahawa kita telah mencapai beberapa kejayaan yang luar biasa! Pada Mei dan Jun lalu, kita telah menerima dua anugerah keselamatan dan kelestarian yang tertinggi dan berprestij, iaitu Anugerah Keselamatan Shell Malaysia (SMSA) 2022 dan Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri (PMHA) 2022.

Kemenangan berganda ini merupakan satu pencapaian yang hebat bagi kita kerana ia membuktikan usaha gigih dan komitmen kita dalam mencapai tahap kesihatan, keselamatan dan standard alam sekitar yang tinggi untuk pekerja, perniagaan dan operasi kita.

Kakitangan kita adalah nadi syarikat, dan mereka sangat berkomited dalam memperkasa keselamatan di tempat kerja bukan sahaja untuk diri mereka sendiri dan syarikat tetapi untuk pelanggan kita serta komuniti-komuniti di tempat kita beroperasi. Tanpa mereka, semua ini adalah mustahil. Tahniah kepada semua pasukan!

Mendukung kelestarian sebagai teras perniagaan dan rangka operasi adalah penting kerana ia seiring dengan komitmen kami untuk beralih ke arah ekonomi kitaran di masa hadapan. Dalam segala yang kita lakukan, kita berusaha untuk beroperasi semampun mungkin dengan menggunakan penyelesaian kitar semula dan pemerolehan yang inovatif dalam semua aspek operasi perniagaan kita.

Di Trienekens, sisa dilihat sebagai satu sumber yang boleh dipullihkan dan dijadikan bahan baharu. Oleh itu, baru-baru ini kami telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Shell Singapura untuk meneroka potensi pengitaran kimia sisa plastik. Hasil proses tersebut berpotensi menjadi sumber tenaga alternatif dan digunakan sebagai bahan mentah sekunder yang boleh menambah nilai kepada ekonomi semasa kita dalam peralihan kepada ekonomi kitaran.

Beberapa bulan kebelakangan ini sememangnya tempoh yang mengujakan untuk kami. Saya menggalakkan anda untuk membaca lebih lanjut tentang perkembangan dan cerita baru ini dalam edisi terbaru Madah Kita ini. Tahniah sekali lagi kepada semua pasukan kami, dan selamat membaca!

CONTENTS / KANDUNGAN

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Katherine Kong

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Janet J. Balong

Rebecca Su

Contributors / Penyumbang:

Alicia Chai

Clare Kho

Doreen Lang

Marilyn Martin

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Trienekens Wins Two Prestigious Safety and Environmental Awards 02
Trienekens Menangi Dua Anugerah Keselamatan dan Alam Sekitar Berprestij
- Trienekens and Shell Study Potential of Plastic Waste Chemical Recycling
Trienekens dan Shell Kaji Potensi Pengitaran Semula Kimia Sisa Plastik
- Advancing The Future of Sustainable Waste Management 05
Memacu Masa Depan Pengurusan Sisa Mampan
- Charting A Green Future Together 06
Bersama Membina Masa Depan Hijau

HSE

- Safe Industry Performance Through Compliance 10
Prestasi Selamat Industri Melalui Pematuhan
- Robust Performance Through Audit 11
Prestasi Teguh Melalui Audit

Human Resources / Sumber Manusia

- Continuous Upskilling Through Training 12
Tingkatkan Kemahiran Berterusan Melalui Latihan

Corporate Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Korporat

- Serving the Community 15
Berkhidmat Kepada Masyarakat

Special Feature / Rencana Khas

- Trienekens Celebrates Earth Day 2023 17
Trienekens Rai Hari Bumi 2023
- Using Art to Promote Sustainability 18
Guna Seni untuk Promosi Kelestarian

Our People / Rakan Sekerja Kita

- Promotions / Kenaikan Pangkat 19
- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 20

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

21

Trienekens Wins Two Prestigious Safety and Environmental Awards

Trienekens Menangi Dua Anugerah Keselamatan dan Alam Sekitar Berprestij



Trienekens Group CEO, Stephen Chin (sitting fourth from left) celebrating the company's recent SMSA Gold Award win with Trienekens team.

CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (duduk keempat dari kiri) meraikan kemenangan Anugerah Emas SMSA syarikat baru-baru ini bersama pasukan Trienekens.

2023 signifies a remarkably amazing year for Trienekens, as it recently won not one but two prestigious awards for its outstanding performance in safety and environmental sustainability. These awards serve as a testament to Trienekens' commitment in maintaining the highest standards in safety practices and strengthening its dedication to protecting the environment.

The first award, the Shell Malaysia Safety Award - Gold Safety Award presented during a ceremony hosted by Shell Malaysia in May recognised Trienekens' high performance

and key achievements in health, safety, security and environmental (HSSE) initiatives within its operations. The award was presented under the Downstream and Integrated Gas Category, which was among the top three categories alongside the Upstream and Corporate Categories.

The second award, the Prime Minister's Hibiscus Award (PMHA) for Exceptional Achievement in Environmental Performance for 2021–2022, acknowledged the company's dedicated efforts to mitigate its carbon footprint by building sustainability into its business set-up, strategy, operations and facilities.

Trienekens Group Chief Executive Officer, Stephen Chin, said, "It is a great honour for us to have received these two prestigious awards as they are a testament to our hard work and commitment in achieving the highest level of health, safety and environmental standards for our employees, business and operations."

"Our people are the heart of the company, and they are deeply committed to creating an environmentally sustainable business coupled with a safe and healthy working environment not only for themselves and the company but for our customers and the communities in which we operate as well."

Chin added that the awards motivate Trienekens to continue striving for greater excellence in all aspects of its business operations.



Trienekens COO, Alice Lee (centre) and Senior Manager for Bintulu Branch, Patricia Susie Nyisong (right) receiving the Gold Award from Shell Malaysia's Country Chair, Siti Sulaiman (left).
COO Trienekens, Alice Lee (tengah) dan Pengurus Kanan Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (kanan) menerima Anugerah Emas daripada Pengerusi Negara Shell Malaysia, Siti Sulaiman (kiri).



Trienekens COO, Alice Lee receiving the PMHA award from the Minister of Natural Resources, Environment and Climate Change, YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad.

COO Trienekens, Alice Lee menerima anugerah PMHA daripada Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad.

2023 merupakan tahun yang luar biasa untuk Trienekens, kerana ia telah memenangi bukan satu tetapi dua anugerah berprestij di atas kecemerlangan prestasi keselamatan dan kelestarian alam sekitarnya. Anugerah ini melambangkan komitmen Trienekens di dalam mengekalkan standard tertinggi di dalam amalan keselamatan dan dedikasinya dalam pelindungan alam sekitar.

Anugerah pertama, Anugerah Keselamatan Emas, yang disampaikan di dalam satu majlis Anugerah Keselamatan Shell Malaysia (SMSA), anjuran Shell Malaysia pada bulan Mei telah mengiktiraf prestasi dan pencapaian-pencapaian inisiatif HSSE Trienekens yang tinggi dalam operasinya. Anugerah tersebut adalah di bawah Kategori Gas Hilir dan Bersepada, yang merupakan antara tiga kategori teratas di samping Kategori Huluan dan Korporat.

Anugerah kedua, Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri (PMHA) untuk Pencapaian Luar Biasa dalam Prestasi Alam Sekitar untuk 2021–2022, mengiktiraf dedikasi syarikat di dalam mengurangkan jejak karbonnya dengan menjalin kelestarian ke dalam rangka, strategi, operasi dan fasiliti perniagaannya.

CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, berkata, “Penerimaan dua anugerah berprestij ini merupakan satu penghormatan besar bagi kami kerana membuktikan usaha keras dan komitmen kami dalam mencapai standard kesihatan, keselamatan dan standard alam sekitar yang tinggi untuk kakitangan, perniagaan dan operasi kami.”

“Kakitangan kami adalah nadi syarikat, dan mereka amat komited untuk mewujudkan perniagaan yang mesra alam sekitar dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat bukan sahaja untuk diri mereka sendiri dan syarikat tetapi



Trienekens COO, Alice Lee and General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho holding the PMHA award and winner's certificate.

COO Trienekens, Alice Lee dan Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho memegang anugerah PMHA dan sijil pemenang.

juga untuk pelanggan serta komuniti di tempat kami beroperasi.”

Chin menambah bahawa anugerah itu mendorong Trienekens untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan yang lebih baik dalam semua aspek operasi perniagaannya.



Prime Minister's Hibiscus Award (PMHA)

Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri (PMHA)



Shell Malaysia Safety Award (SMSA)

Anugerah Keselamatan Shell Malaysia (SMSA)

Trienekens and Shell Study Potential of Plastic Waste Chemical Recycling

Trienekens dan Shell Kaji Potensi Pengitaran Semula Kimia Sisa Plastik



Trienekens Group CEO, Stephen Chin (second left) and Shell Malaysia's Country Chair, Siti Sulaiman (second right) exchanging the MoU documents while witnessed by YB Dr. Hazland Abang Hipni (centre), Trienekens Deputy Group CEO, Elvin Wee (far left) and SSPL PCE Lead Asia, Ng Swee Kiat (far right).

CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (kedua kiri) dan Pengerusi Negara Shell Malaysia, Siti Sulaiman (kedua kanan) bertukar dokumen MoU sambil disaksikan oleh YB Dr Hazland Abang Hipni (tengah), Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (hujung kiri) dan Ketua PCE Asia SSPL, Ng Swee Kiat (hujung kanan).

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd and Shell Singapore Pte. Ltd. (SSPL) signed a Memorandum of Understanding (MoU) in May to potentially collaborate on chemical recycling of plastic waste. It is an advanced form of recycling that breaks down plastic waste into its basic chemical building blocks that are often converted to create new plastics, fuels or other chemical products.

The partnership aims to discover the potential of chemical recycling, both technologically and economically in efforts to spur the circularity of plastic waste and advance circular economy with the aim to identify an alternative source of energy and secondary raw materials that can add value to our current economy.

The MoU exchange ceremony, witnessed by Sarawak's Deputy Minister for Energy and Environmental Sustainability, YB Dr. Hazland Abang Hipni at Trienekens' Headquarters at Jalan Sungai Tapang, Kuching, marked a significant development in the region's sustainability efforts as it charts the way forward towards establishing a circular economy through sound technology and innovation that provides sustainable plastic waste management solutions.

The MoU documents were exchanged between Trienekens Group CEO, Stephen Chin and Country Chair of Shell Malaysia and Senior Vice President, Upstream Malaysia, Siti Sulaiman.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd dan Shell Singapore Pte. Ltd. (SSPL) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) pada bulan Mei untuk mengkaji potensi kerjasama pengitaran semula kimia sisa plastik. Ia merupakan satu kaedah terkini dalam pengitaran semula di mana plastik dipecahkan kepada blok binaan kimia asas yang boleh diubah menjadi plastik baharu, bahan api atau produk-produk kimia lain.

Kerjasama ini bertujuan untuk menerokai potensi pengitaran semula kimia dari kedua-dua aspek teknologi dan ekonomi sebagai satu usaha mendorong kitaran semula sisa plastik dan memajukan ekonomi kitaran di mana sumber tenaga alternatif dan bahan mentah sekunder dapat dikenal pasti untuk meningkatkan nilai ekonomi semasa kita.

Majlis pertukaran MoU yang turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak, YB Dr. Hazland Abang Hipni di Ibu Pejabat Trienekens di Jalan Sungai Tapang, Kuching, melambangkan perkembangan penting dalam usaha-usaha kelestarian di rantau ini kerana ia mengorak langkah ke arah penubuhan ekonomi kitaran melalui teknologi dan inovasi yang kukuh dan menawarkan penyelesaian-penyelesaian pengurusan sisa plastik yang mampan.

Pertukaran dokumen MoU telah disempurnakan oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin dan Pengerusi Negara Shell Malaysia dan Naib Presiden Kanan, Perniagaan Huluan Malaysia, Siti Sulaiman.

Advancing The Future of Sustainable Waste Management

Memacu Masa Depan Pengurusan Sisa Mampan



Deputy Minister for Utility and Telecommunication (Utility), YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi (centre) along with the council leaders and Trienekens Group CEO, Stephen Chin (far right).

Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti), YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi (tengah) bersama ketua-ketua majlis tempatan dan CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (hujung kanan).

The Commission of The City of Kuching North (DBKU) recently organised a two-day Municipal Solid Waste Management Enhancement Workshop in collaboration with Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd. Held in May, the workshop's main objectives were to enhance the effectiveness and efficiency of the current waste management system and formulate new strategies towards circular economy and sustainable solid waste management for the future.

The workshop was launched by the Deputy Premier of Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian, whose speech text was read by Deputy Minister for Utility and Telecommunication (Utility), YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi.

The workshop served as a vital platform for the exchange of experiences and ideas by fellow industry members and exploration of new and improved approaches to solid waste management in order to create sustainable urban living while meeting the growing public demand in tandem with the State's growing socio-economic landscape.

The workshop participants comprised of officers from the Ministry of Public Health, Housing and Local Government (MPHLG), State Attorney-General's Chambers (SAG), DBKU, Council of the City of Kuching South (MBKS), Padawan Municipal Council (MPP), Kota Samarahan Municipal Council (MPKS) and Trienekens.

DBKU's Deputy Director of Community Services, Rudzaimeir Malek (sitting centre) with Trienekens Deputy Group CEO Elvin Wee (second left) and Trienekens COO Alice Lee (far right) along with workshop participants.

Timbalan Pengarah DBKU Perkhidmatan Komuniti, Rudzaimeir Malek (duduk tengah) Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (kedua kiri) dan COO Trienekens, Alice Lee (hujung kanan) bersama peserta bengkel.

Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) baru-baru ini menganjurkan Bengkel Penambahbaikan Pengurusan Sisa Pepejal Perbandaran selama 2 hari dengan kerjasama Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd. Diadakan pada bulan Mei, matlamat utama bengkel adalah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan sisa semasa dan merangka strategi baharu ke arah ekonomi kitaran dan pengurusan sisa pepejal yang mampan untuk masa hadapan.

Bengkel tersebut dirasmikan oleh Timbalan Premier Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian, di mana teks ucapannya dibaca oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti), YB Datuk Dr Abdul Rahman bin Haji Junaidi.

Bengkel ini berfungsi sebagai platform penting untuk berkongsi pengalaman dan idea antara ahli industri yang lain serta menerokai kaedah penambahbaikan pengurusan sisa pepejal untuk mewujudkan kehidupan bandar yang mampan sambil memenuhi permintaan awam yang semakin meningkat seiring dengan landskap sosio-ekonomi Negeri yang semakin berkembang.

Peserta bengkel terdiri daripada pegawai daripada Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG), Jabatan PEGUAM Besar Negeri Sarawak (SAG), DBKU, Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Perbandaran Padawan (MPP), Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) dan Trienekens.



Charting A Green Future Together Bersama Membina Masa Depan Hijau

Trienekens believes that collaboration between stakeholders is key to achieving continuous growth and improvement in sustainable business practices while promoting awareness, education and economic diversity. With this goal in mind, Trienekens actively engages industry members, public authorities and clients to spread awareness, share experiences and promote sustainable actions while collectively contributing to the development of modern environmental management systems.

Trienekens percaya bahawa kerjasama dengan pihak berkepentingan adalah kunci untuk mencapai pertumbuhan berterusan dan penambahbaikan amalan perniagaan yang mampan sambil menggalakkan kesedaran, pendidikan dan kepelbagaian ekonomi. Dengan matlamat ini, Trienekens terlibat secara aktif dengan pelbagai ahli industri, pihak berkuasa awam dan pelanggan untuk meningkatkan kesedaran, berkongsi pengalaman dan meningkatkan tindakan kemampuan mereka sambil menyumbang kepada pembangunan sistem pengurusan alam sekitar moden.

Visit by Bank Negara Malaysia/ Lawatan dari Bank Negara Malaysia



A group of officers from Bank Negara Malaysia (BNM), led by Director of Sustainability Unit Madelena Mohamad (fifth left), visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in February to gain an understanding of Sarawak's sustainable waste and environmental management systems. The group was welcomed by the General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (second left), and Group General Manager for Finance and Human Resources, Tan Show Boon (fifth right).

Sekumpulan pegawai dari Bank Negara Malaysia (BNM) diketuai oleh Pengarah Unit Kelestarian, Madelena Mohamad (kelima kiri) telah melawat Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) pada bulan Februari untuk mengenali sistem pengurusan sisa dan alam sekitar Sarawak yang mampan. Mereka telah disambut oleh Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan Trienekens, Simon Chow (kedua kiri) dan Pengurus Besar Kewangan dan Sumber Manusia Kumpulan, Tan Show Boon (kelima kanan).

Visit by Bintulu Development Authority (BDA)/ Lawatan dari Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)



Bintulu Development Authority (BDA) visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in June as part of its engagement session with Trienekens. The visiting team was led by its Assistant General Manager (Environment Service), Hajah Maimunah binti Matali (fourth right) and welcomed by Group CEO Stephen Chin (third left), COO Alice Lee (third right), Group General Manager for Finance and Human Resources, Tan Show Boon (second right), and General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (behind, first left).

Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) telah melawat Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) pada bulan Jun melalui satu sesi libat urusnya dengan Trienekens. Rombongan yang diketuai oleh Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan Alam Sekitar), Hajah Maimunah binti Matali, (keempat kanan) telah disambut oleh CEO Kumpulan, Stephen Chin (ketiga kiri), COO Trienekens, Alice Lee (ketiga kanan), Pengurus Besar Kumpulan Kewangan dan Sumber Manusia, Tan Show Boon (kedua kanan) dan Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (belakang, hujung kiri).

Visit by Petronas Technology Ventures Sdn Bhd Lawatan dari Petronas Technology Ventures Sdn Bhd



Petronas Technology Ventures Sdn Bhd recently visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) and was provided with a first-hand view of the processes and technology used by Trienekens in the management of municipal and scheduled waste. They were welcomed by Group CEO Stephen Chin (front row, third right).

Petronas Technology Ventures Sdn Bhd baru-baru ini melawat Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) dan diberikan penerangan mengenai proses dan teknologi yang digunakan oleh Trienekens dalam pengurusan sisa perbandaran dan terjadual. Mereka telah disambut oleh CEO Kumpulan, Stephen Chin (baris hadapan, ketiga kanan).

Visit by the Mayor of the Council of the City of Kuching South Lawatan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan



The Mayor of the Council of the City of Kuching South, Dato Wee Hong Seng (second right), recently visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) to get a first-hand look at the facility's operations. Present to brief Dato Wee were Deputy Group CEO, Elvin Wee (second left), General Manager of Treatment and Disposal, Simon Chow (far right), and Group Senior Manager of Corporate Affairs, Katherine Kong (far left). While there, he was also briefed on the plastic upcycling machine, which converts used plastic materials into new items.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Dato Wee Hong Seng (kedua kanan) baru-baru ini telah melawat Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) untuk melihat lebih dekat operasi fasiliti tersebut. Hadir memberi taklimat kepada beliau ialah Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (kedua kiri), Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (hujung kanan) dan Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Katherine Kong (hujung kiri). Semasa di sana, beliau juga mendapat penerangan tentang mesin kitar semula plastik yang boleh mengubah plastik terpakai menjadi bahan baru.

Visit by Padawan Municipal Council (MPP)/ Lawatan dari Majlis Perbandaran Padawan (MPP)



Padawan Municipal Council's (MPP) team of officers and interns led by Ms. Adriana Gracy ak Ayoi, Assistant Environmental Health Officer (second left), visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) to provide their trainees with a greater understanding of the Integrated Waste Management System (IWMS) operated by Trienekens and the importance of sustainable waste management within the communities. Department Manager of Landfill, Julian Gabriel Bain (far right), was present to brief them on the facility and its operations.

Sekumpulan pegawai dan pelatih dari Majlis Perbandaran Padawan (MPP) yang diketuai oleh Cik Adriana Gracy ak Ayoi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan (kedua kiri) telah

melawat Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) untuk memberikan pelatih mereka gambaran yang lebih mendalam tentang Sistem Pengurusan Sisa Bersepadu (IWMS) yang dikendalikan oleh Trienekens dan pentingnya pengurusan sisa yang mampan dalam komuniti. Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan, Julian Gabriel Bain (hujung kanan) telah hadir untuk menerangkan latar belakang fasiliti dan operasinya.

Visit by Chitose Laboratory Corp. Japan/ Lawatan dari Chitose Laboratory Corp. Jepun



Chitose Laboratory Corp. Japan recently visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in Mambong to learn about the facility's multi-faceted operational processes, functions, and the advanced technology used in the treatment and disposal of both municipal and scheduled waste. Welcomed by Group CEO Stephen Chin (fifth from left), the group also discussed the future of waste and resource management through the sharing of knowledge and concepts regarding the most recent techniques and technologies in the sector.

*Chitose Laboratory Corp. Jepun
baru-baru ini telah melawat
Taman Pengurusan Sisa
Bersepadu Kuching (KIWMP) di
Mambong untuk mempelajari*

fungsi dan teknologi maju dalam rawatan dan pelupusan kedua-dua bahan buangan perbandaran dan terjadual. Disambut oleh CEO Kumpulan, Stephen Chin (kelima dari kiri), kedua-dua pihak telah membincangkan masa depan pengurusan sisa dan sumber melalui pertukaran ilmu dan idea mengenai teknologi dan amalan terkini dalam industri.

Visit by Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum and Shell MDS
Lawatan dari Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum dan Shell MDS



A technical team from Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum and Shell MDS led by Waste Management Service Lead, Cody Chong (second row, right) made a familiarisation visit to Trienekens in June as part of their safe management of scheduled waste programme for contractors. They were welcomed by Trienekens General Manager for HSE, Harris Ak Michael Deho (front row, second right), Senior Manager for Bintulu Branch, Patricia Susie Nyisong (front, second left) and other team members.

Pasukan teknikal dari Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum dan Shell MDS diketuai oleh Ketua Perkhidmatan Pengurusan Sisa, Cody Chong (baris kedua, kanan) membuat lawatan suai kenal ke Trienekens pada bulan Jun sebagai sebahagian daripada program pengurusan selamat buangan terjadual untuk kontraktor. Mereka disambut oleh Pengurus Besar HSE Trienekens, Harris Ak Michael Deho (baris depan, kedua kanan), Pengurus Kanan Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (depan, kedua kiri) dan ahli pasukan yang lain.

Safe Industry Performance Through Compliance

Prestasi Selamat Industri Melalui Pematuhan



DOE Sarawak Director Tuan John ak Rampai (middle) and Senior Principal Assistant Director (Operations), Ts. Mohamad Zaihan bin Haji Lek (right) presenting Trienekens Group CEO, Stephen Chin with a token of appreciation.

Pengarah JAS Sarawak, Tuan John ak Rampai (tengah) bersama Ketua Penolong Pengarah Kanan (Operasi), Ts. Mohamad Zaihan bin Haji Lek (ketiga kanan) menyerah cenderahati kepada CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin.



Harris (fourth left) receiving a token of appreciation from DOE Sarawak Director, Tuan John ak Rampai (fourth right) and Senior Principal Assistant Director (Operations), Ts. Mohamad Zaihan bin Haji Lek (third right).

Harris (keempat kiri) menerima cenderahati daripada Pengarah JAS Sarawak, Tuan John ak Rampai (keempat kanan) dan Ketua Penolong Pengarah Kanan (Operasi), Ts. Mohamad Zaihan bin Lek (ketiga kanan).

Compliance with local and global safety and environmental standards as well as regulations is paramount in the operations of scheduled waste management to ensure the safety and health of the waste generators, service providers and the public at large.

Trienekens recently participated in two major seminars on the Environmental Quality (Scheduled Waste) Regulations 2005, organised by the Department of Environment (DOE) Sarawak in Bintulu in March, followed by Kuching in May.

Officiated by DOE Sarawak Director Tuan John ak Rampai, the main objective of both seminars was to raise awareness and knowledge about the laws and requirements under the Environmental Quality Act (EQA) 1974, particularly on the management of scheduled waste. Among the attendees were representatives from related government agencies and authorities and other stakeholders from various industries such as oil and gas, palm oil, SMEs and other local scheduled waste generators.

At both seminars, Trienekens as one of the invited speakers, shared on the company's experiences, sustainability initiatives and regulatory compliance journey as well as in-depth overview on the way forward in the handling, treatment and disposal of scheduled waste in Sarawak.

Pematuhan kepada standard dan peraturan keselamatan dan alam sekitar tempatan dan global amat penting dalam operasi pengurusan buangan terjadual bagi memastikan keselamatan dan kesihatan penjana sisa, pembekal perkhidmatan dan orang awam dijaga.

Trienekens telah menyertai dua seminar penting berkaitan dengan Pematuhan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak di Bintulu pada bulan Mac, diikuti oleh Kuching pada bulan Mei.

Dirasmikan oleh Pengarah JAS Sarawak, Tuan John ak Rampai, matlamat utama kedua-dua seminar adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang undang-undang dan keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar (EQA) 1974, terutamanya yang berkenaan dengan pengurusan buangan terjadual. Para peserta terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan yang berkaitan, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan dari pelbagai industri seperti minyak dan gas, minyak sawit, pengusaha kecil dan sederhana, dan penjana buangan terjadual tempatan yang lain.

Di kedua-dua seminar itu, Trienekens selaku penceramah jemputan, telah berkongsi pengalaman, inisiatif kemampunan dan perjalanan pematuhan peraturan syarikat serta gambaran yang menyeluruh tentang cara-cara memajukan pengurusan, rawatan dan pelupusan buangan terjadual di Sarawak.

Robust Performance Through Audit

Prestasi Teguh Melalui Audit

An effective audit system is vital to enhancing a business' operations, performance and credibility. Trienekens actively engages in audits to meet varying requirements and procedures set by its own internal policies, regulatory bodies and customers.

Sistem audit yang berkesan amat penting dalam meningkatkan operasi, prestasi dan kredibiliti perniagaan. Trienekens terlibat di dalam audit secara aktif bagi memenuhi pelbagai keperluan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh polisi dalamannya, badan-badan perundangan dan para pelanggan.

QMS Re-certification and OHSE Surveillance Audit

